



**JABATAN PERDANA MENTERI  
AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**LAPORAN SIASATAN BERKAITAN TRAGEDI TANAH RUNTUH DI  
BATANG KALI, SELANGOR**

1. Pagi ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) Bilangan 2 bagi tahun 2023.
2. Mesyuarat pada hari ini turut dihadiri YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, YB Datuk Ugak Anak Kumbong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Agensi-agensi Teknikal serta Agensi-agensi Tindak Balas.
3. Mesyuarat pada hari ini turut membincangkan keputusan oleh Jemaah Menteri pada 12 April 2023 yang bersetuju supaya laporan siasatan berkaitan tragedi tanah runtuh di jalan B66, Batang Kali-Genting Highland, Hulu Selangor, Selangor, yang melibatkan sejumlah 92 mangsa dengan 61 daripada mereka berjaya diselamatkan manakala 31 orang telah terkorban diumumkan kepada orang awam.

## LAPORAN SIASATAN TRAGEDI TANAH RUNTUH DI BATANG KALI

4. Susulan itu, satu jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kumpulan Kerja Tanah Runtuh (JKKTR) telah ditubuhkan bagi menjalankan kerja-kerja penyiasatan tanah runtuh ini berdasarkan kepada Pelan Induk Cerun Negara (PICN) 2009-2023 dan keputusan Jemaah Menteri. Jawatankuasa tersebut telah diketuai oleh Cawangan Kejuteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, serta agensi-agensi teknikal lain seperti Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan badan-badan professional yang dilantik.
5. Laporan forensik yang disediakan oleh JKKTR telah dimajukan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR), dan Kerajaan Selangor untuk dinyahklasifikasi bagi membolehkan hasil siasatan berkenaan dicapai oleh orang awam. Kerajaan Selangor bersetuju untuk menyahklasifikasikan laporan tersebut pada 5 Okt 2023. Laporan berkenaan telah diserahkan kepada Nadma pada 12 Oktober 2023 untuk tindakan lanjut.
6. Secara ringkasnya, hasil analisis forensik mendapati kejadian hujan (Rainfall Event) merupakan faktor pencetus utama akibat daripada kombinasi jumlah hujan major (Major Rainfall Kumulatif) bagi tempoh 5 hari dan hujan Anteseden (Anteseden Rainfall) kumulatif 30 hari sebelum runtuh berlaku yang mana masing-masing 118.6mm dan 444.8mm.
7. Hujan yang lebat ini telah menyebabkan kegagalan cerun sehingga mengakibatkan tapak perkhemahan meliputi Kawasan Hill View, Farm View dan River Side tertimbus dengan sisa runtuh tanah sehingga menyebabkan kerosakkan harta benden dan kehilangan nyawa.

8. Siasatan tidak menemui bukti kukuh menunjukkan aktiviti antropogenik sebagai salah satu faktor penyumbang kepada kejadian tanah runtuh ini. Laporan penuh JKKTR ini boleh diakses oleh orang ramai melalui laman sesawang Nadma, <https://www.nadma.gov.my>, mulai 10.00 pagi, 18 Oktober 2023.

**YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi**

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah**

**Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat**

17 Oktober 2023